

**'TAK ADA BUKTI DAKWAAN KRISTIANKAN
ORANG² ISLAM'**

PM: Elakkan

UM 29 SEP 1987

perselisihan agama

KUALA LUMPUR 28 Sept. —
Datuk Sri Dr. Mahathir
Mohamad hari ini
mengingatkan semua golongan
rakyat di negara ini supaya
jangan lagi membuat dakwaan
- dakwaan yang tidak
bertanggungjawab mengenai
agama bagi mengelakkan
perselisihan faham antara
penganut - penganut agama
yang berlainan.

Perdana Menteri berkata dalam negara yang berbilang kaum dan berbilang agama ini, selisih faham antara penganut - penganut agama yang berlainan amatlah merbahaya.

Oleh itu, katanya, semua pihak hendaklah berhati-hati apabila membuat kenyataan mengenai perkara yang mungkin membawa kepada rusuhan antara penganut berbagai agama.

Dalam ucapannya merasmikan Seminar Antarabangsa Mengenai Perpaduan Ummah di Pusat Islam hari ini, Datuk Sri Dr. Mahathir menarik perhatian tentang tuduhan yang menyatakan orang - orang Kristian cuba mengkristiankan orang Islam di Malaysia.

Menurut beliau, dakwaan tersebut tidak ada bukti yang jelas selain daripada keadaan di mana orang - orang Kristian yang memeluk agama Islam kerana berkahwin atau sebab-sebab lain, yang kemudiannya balik ke agama Kristian kerana kecewa dengan sesuatu.

LIHAT MUKA 6

PM: ELAKKAN PERSELISIHAN AGAMA

UM 29 SEP 1987

Semasa membuat ingatan tersebut Perdana Menteri memberi contoh bagaimana Lebanon mengalami kehancuran kerana permusuhan di antara Kristian dan Islam. Di Ireland Utara pula, katanya, kehancuran berlaku kerana permusuhan di antara Katolik dan Protestan, di Punjab, India antara orang Sikh dan Hindu, di India antara orang Hindu dan Islam, di Iran dan Iraq antara Syiah dan Sunni dan lain-lain lagi. Datuk Sri Dr. Mahathir berharap dakwaan - dakwaan seperti orang Melayu menjadi Kristian tidak akan dibuat lagi. "Sudah tentu tidak ada langsung bukti yang menyatakan 66,000 orang Melayu menjadi Kristian atau penganut agama lain atau tiada agama (ateis). "Kita juga tidak ada bukti yang 2,000 orang Islam menjadi Kristian," tegas beliau. Perdana Menteri juga menarik perhatian tentang

soal murtad di kalangan orang - orang Islam yang sudah menggantikan pula masalah kafir - mengkafir. Dalam hal ini beliau mengulangi mengenai kewujudan buku yang menggariskan sepuluh kategori yang dikatakan boleh menjadikan seseorang itu murtad. Menurut beliau, antara lain buku itu menghukum orang-orang Islam minoriti dalam negara bukan Islam sebagai murtad kerana memilih orang bukan Islam sebagai pemimpin. "Sudah ada pula yang menyoal sama ada orang Islam boleh tinggal sebilik dengan bukan Islam atau duduk dan makan bersama dengan bukan Islam. "Jika sepuluh kategori ini dianggap murtad maka benarlah ramai orang Islam murtad, terutama di negara berbilang kaum seperti Malaysia." Bercakap kepada para pemberita kemudian, Perdana Menteri berkata kerajaan akan mempertingkatkan

penerangan agama kepada saudara - saudara baru supaya mereka tidak mengambil tindakan balik ke agama asal apabila kecewa. Mengenai murtad, beliau berkata kerajaan tidak akan mengemaskinikan undang - undang yang ada tetapi akan terus menyampaikan penjelasan agama. "Kita tak boleh begitu mudah memurtadkan orang. Itu adalah sama dengan mengkafirkan orang. "Kita tak boleh berpegang kepada satu potong ayat Al-Quran sahaja dan kemudian menjatuhkan hukuman." Dalam ucapannya yang panjang lebar, Datuk Sri Dr. Mahathir juga menyatakan pandangannya bahawa pengembangan ajaran Islam tidak akan menghasilkan matlamat yang ditujui jika prinsip - prinsip akhlak Islamiah dan tata susila diketepikan. Sekali lagi Perdana

Menteri berkata bahawa Islam menentang segala bentuk ekstrimisme, sama ada yang berbentuk percakapan, tindakan, pendekatan dan sebagainya. Menurutnya, ini adalah kerana ekstrimisme boleh mengancam keharmonian, keamanan, kedamaian sesebuah masyarakat serta keselamatan negara. Penentangan Islam terhadap sikap ini, tegas Perdana Menteri, bukan sahaja tertakluk kepada satu bangsa ataupun agama bahkan juga kepada semua bangsa dan agama. Dengan sebab demikian, kata beliau, Islam menganjurkan prinsip kesederhanaan dan bertindak dari segi hikmah sama ada dari segi pendekatan, strategi, cara dan sebagainya. Sifat-sifat kesederhanaan tersebut, kata Datuk Sri Dr. Mahathir, hendaklah mengambil kira suasana, keadaan masyarakat serta 'uruf masyarakat

setempat. Antara lain Perdana Menteri juga menyentuh beberapa perkara berikutan dalam ucapannya:

- Ada segolongan orang menganggap perpaduan tidak penting dan sengaja ingin menimbulkan isu-isu tertentu walaupun mereka tahu ia akan membawa kepada perpecahan umat. Menurut Perdana Menteri, apa yang diutamakan oleh mereka adalah populariti dan sanjungan oleh satu-satu golongan dan tindakan mereka jelas terkeluar dari prinsip-prinsip ajaran Islam yang menyeru kepada perpaduan dan melarang perpecahan.
- Ada setengah - setengah orang ingin membuat sesuatu perubahan dan pada pendapat mereka sesuatu yang baik itu harus dikejar, walaupun dengan menggunakan pendekatan yang keterlaluan dan menyeleweng dari ajaran Islam.